

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017D

Sikap Dr. Mahathir punca kekecohan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 14 OGOS

FORUM *Nothing To Hide 2.0* anjuran Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) semalam bukan sahaja meledakan kekecohan yang memalukan Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi membuktikan sebenarnya banyak perkara yang cuba diselindungi bekas Perdana Menteri itu.

Keadaan itulah yang mendorong kepada tercetusnya ke-

c o h a n
s e l a m a
s e t e n g a h
j a m k e r a n a
w a l a u p u n
b e r t e m a k a n
nothing to hide
y a n g b e r m a k -
s u d t i a d a a p a
m a h u d i s e m -
b u n y i k a n .
D r . M a h a -



DR. MAHATHIR

thir dilihat tidak menjawab dengan jelas setiap persoalan sehingga menimbulkan ketidakpuasaan hati mereka yang hadir.

Malah, bekas Perdana Menteri yang mentadbir negara selama 22 tahun itu juga langsung tidak menyentuh mengenai isu kekayaan keluarganya, meskipun perkara itu dipersoal banyak pihak, termasuk oleh exco Armada PPBM sendiri baru-baru ini.

Sedangkan isu kekayaan keluarga khususnya anak-anak beliau menjadi buah mulut serta persoalan banyak pihak, tetapi bagi Dr. Mahathir, kekayaan luar biasa tersebut seolah-olah bukan isu kepadanya kerana bagi bekas Perdana Menteri itu yang salah hanyalah Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sebenarnya, bibit-bibit panas tersebut mula timbul apabila penyokong Dr. Mahathir bertin-



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

dak mengganggu soalan daripada penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila sering kali kedengaran "isu lama", "sudah dijawab" ketika persoalan mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri yang dipenjarakan kerana kes liwat itu dibangkitkan.

Bahkan apabila salah seorang peserta yang dikenali sebagai Fariz Hadi bertanyakan soalan mengenai Anwar dan apakah beliau sedia untuk meminta maaf kerana memenjarakan bekas timbalannya itu, Dr. Mahathir bukan sahaja tidak menjawab tetapi memilih pusing cerita.

Kepada Dr. Mahathir, persoalan sedemikian walaupun penting khususnya buat penyokong Anwar tetapi hanya bertujuan memecah-belahkan Pakatan Harapan, sedangkan dakwanya, Ketua Umum PKR tersebut sendiri tidak pernah menuntutnya supaya memohon maaf atas insiden pada 1998 itu.

"Saya jumpa dengan Anwar, yang peliknya dia tidak tanya soalan itu. Anwar tidak tegur saya buat aniaya kepada dia atau tidak. Itu perkara lama, kalau kita nak angkat perkara lama, sampai sudah tak habis. Saya jumpa An-

war banyak kali, Anwar tak minta pun saya minta maaf," kata Dr. Mahathir dalam forum tersebut.

Kemuncaknya apabila Dr. Mahathir mempertahankan tindakan polis dalam tragedi Me-mali pada 1985 menyebabkan kemarahan peserta forum tidak dapat dibendung sehingga terjadinya aksi baling kasut, suar dan kerusi kepada bekas Perdana Menteri itu.

Individu yang bertanya itu pula adalah Exco Armada PPBM sendiri, Mohamad Taufik Abas, dan bukannya ahli UMNO sebagaimana dituduh Pakatan Harapan.

Langkah mengaitkan UMNO itu bukan pelik kerana sememangnya itulah alasan berzaman pembangkang setiap kali timbul isu yang memperlihatkan kelemahan mereka di mata rakyat.

Sedangkan, insiden tersebut mungkin dapat dielakkan jika Dr. Mahathir lebih bertanggungjawab ketika memberikan jawapannya dan lebih terbuka untuk bercakap mengenai kekayaan keluarganya, selain soal hubungannya dengan Anwar kerana kemarahan penyokong Anwar kepadanya masih membara.